

Kuasa Roh Dakan Melanau

OLEH JENIRI AMIR

FOTO: PENULIS

M26 88/08

Bagi masyarakat Melanau, terutama di Mukah dan Dalat, Sarawak, salah satu cara perubatan tradisional yang masih digunakan adalah dengan menggunakan *dakan*. Masyarakat Melanau terdiri daripada yang beragama Islam, Kristian dan pagan yang juga dikenali sebagai *Likow*. Golongan pagan dan sesetengah pengikut Kristian masih lagi berubat dengan menggunakan *dakan*.

Mengikut kepercayaan Melanau *Likow*, dunia terdiri daripada tiga lapisan, iaitu, dunia atas, pertengahan dan bawah. Dalam ketiga-tiga lapisan itu terdapat unsur baik dan jahat. Makhluk halus yang terdapat di setiap lapisan itu perlu dipelihara supaya tidak mengganggu manusia. Terdapat pelbagai jenis makhluk halus seperti *duhig*, *tow*, *ipok*, dan *jin*. Jika unsur jahat berkenaan diganggu, besar kemungkinan ia akan mengganggu manusia, dan boleh menyebabkan mereka diserang penyakit. Makhluk halus itu dipercayai mendiami



kawasan muara sungai, laut, hutan, bukit, gunung dan pokok tertentu. Makhluk halus tidak dapat dihubungi manusia biasa, kecuali dukun atau bomoh seperti *a-bayoh*.

Masyarakat Melanau menggunakan pelbagai cara tradisional untuk mengubati penyakit, seperti memaku, *berbayuh*, *beguda*, *payun*, dan menggunakan *dakan*. Cara pengubatan tertakluk kepada jenis dan ketenatan penyakit yang dihidapi. Yang pasti, bagi Melanau *Likow* terutamanya, manusia merupakan gabungan

Kepercayaan umum dalam masyarakat Melanau *Likow*, jika sesuatu penyakit itu tidak dapat diubati dengan cara moden, maka penyakit itu adalah disebabkan oleh makhluk halus atau kuasa ghaib.

daripada empat unsur, iaitu badan, roh, perasaan dan nyawa. Keseimbangan keempat-empat unsur itu penting bagi menjamin bahawa seseorang itu sentiasa sihat. Kepercayaan umum dalam masyarakat Melanau *Likow*, jika sesuatu penyakit itu tidak dapat diubati dengan cara moden, maka penyakit itu adalah disebabkan oleh makhluk halus atau kuasa ghaib.

Penggunaan *dakan* sebagai cara pengubatan masih lagi diamalkan oleh Melanau *Likow* dan Kristian. *Dakan* diukir dalam pelbagai bentuk yang menyerupai bermacam-macam roh atau semangat. *Dakan* diperbuat daripada empulur atau dahan pokok rumbia atau kayu yang lembut. Meskipun jumlah pengukir dan bomoh yang mahir menggunakan *dakan* semakin pupus,

dakan tetap digunakan untuk mengubati penyakit yang sukar diubati dengan cara moden. Kini, terdapat tidak lebih daripada lima orang dukun lagi yang masih hidup.

Dukun berkenaan biasanya mendapat kemahiran itu melalui mimpi. Pateran Lebai yang ditemu bual sebulan sebelum meninggal dunia baru-baru ini mengakui bahawa beliau sakit tenat dan perlu menjalani acara *payun* – upacara perubatan tradisional yang memakan masa tujuh malam berturut-turut, sebelum dianugerahkan dengan kepakaran dan kelebihan tersebut.

Terdapat sekitar 115 jenis *dakan* yang melambangkan pelbagai jenis roh. *Dakan* mempunyai fitur tertentu dan biasanya *dakan* diukir oleh dukun setelah mendapat petunjuk. Kebanyakan *dakan* diukir menyerupai bentuk tubuh manusia dan reptilia. Nama sesuatu *dakan* berkait rapat dengan tempat kediaman rohnya seperti awan, laut, air, hutan dan darat. Nama tersebut membantu pengukir *dakan* mengingati fitur dan fungsi *dakan* berkenaan. Setiap *dakan*

dapat dikenal pasti berdasarkan ciri ukiran. Umpamanya, berdasarkan kedudukan kaki dan tangannya, selain sama ada *dakan* itu berdiri, duduk atau mencangkung.


Adakah tangannya diletakkan di dada, memegang kepala, perut atau lutut? Jika *dakan* itu memegang kepala, hal ini bermakna penyakit yang dihidapi ada kaitan dengan sakit kepala, manakala *dakan* yang tangannya memegang perut, sudah tentu untuk mengubati sakit perut. Roh wanita digambarkan melalui *dakan* yang berambut panjang dengan kaki berlipat ke dalam, dan roh laut biasanya digambarkan melalui *dakan* yang duduk di atas ikan pari. *Dakan* yang diukir berdiri bermakna bahawa roh jahat berkenaan besar kemungkinan boleh berjalan di dalam hutan. Meskipun *dakan* memiliki pelbagai ciri atau fitur, yang pasti kebanyakan *dakan* berkepala besar dan mempunyai mata.

Dalam hubungan ini, *dakan gelap daat*, misalnya digunakan untuk mengubati orang yang tidak

siuman sesudah balik dari laut, manakala *dakan jakan* digunakan untuk mengubati orang yang sakit bisa-bisa pada anggota tertentu, misalnya pada mata dan pinggang. *Dakan pulun* adalah untuk mengubati mereka yang selalu bangun dan bercakap seorang diri sewaktu tidur. *Dakan putih anak* pula digunakan untuk menyembuhkan wanita hamil yang keluar darah, dan mengubati lelaki yang gatal-gatal di seluruh badan. Biasanya *dakan* berkenaan dimandikan dan airnya digunakan untuk mengelap badan pesakit. Selepas digunakan, *dakan* jenis ini perlu diletakkan di bawah rumah, dan bukannya dihanyutkan di dalam sungai atau diletakkan di bawah pokok seperti *dakan* lain.

Ada dukun yang perlu tidur selama 10 minit untuk mendapat ilham sebelum *dakan* yang sesuai diukir bagi menyembuhkan penyakit. Biasanya dukun mengambil masa sekitar

Adakah tangannya diletakkan di dada, memegang kepala, perut atau lutut? Jika *dakan* itu memegang kepala, hal ini bermakna penyakit yang dihidapi ada kaitan dengan sakit kepala, manakala *dakan* yang tangannya memegang perut, sudah tentu untuk mengubati sakit perut.



setengah jam untuk mengukir *dakan* yang mempunyai ketinggian empat hingga 18 inci. Kemudian, dukun akan membaca mantera yang berbunyi, "kieng sigieng mata no", bermakna buka matamu supaya engkau dapat melakukan sesuatu seperti diminta oleh si pesakit. *Dakan* berkenaan akan dimandikan dan disemburkan dengan sirih pinang yang telah dikunyah oleh dukun.

Dukun akan menjampi *dakan* dan membuka mata *dakan* yang diukir. *Dakan* yang sudah dijampi perlu dihormati dan diletakkan di tempat yang sesuai, seperti di bawah pokok tertentu di tepi sungai ataupun dihanyutkan di dalam sungai. *Dakan* itu tidak boleh diganggu seperti dipukul atau dirosakkan oleh sesiapa pun. Sesiapa yang melakukan perbuatan yang dianggap tidak menghormati *dakan* akan terkena penyakit yang sukar diubati. Dipercayai bahawa roh jahat akan mengamuk dan mengganggu individu berkenaan.

Bagi si pesakit, terdapat beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi. Dia tidak boleh membawa parang turun dari rumah, makan ikan yu, pari dan ikan sejenis, dan makan makanan yang dihangatkan kembali. Dia juga tidak boleh masuk ke dalam rumah salai atau belanga, tempat memproses sagu. Selain itu, kaum keluarga dilarang memanjat atau menebang pokok yang berdekatan dengan

rumah tempat tinggal si pesakit. Segala pantang larang ini bertujuan untuk memastikan bahawa si pesakit tidak jatuh sakit kembali atau *sulek*. Jika tidak, proses pengubatannya adalah lebih sukar; kalau tidak pun, dipercayai bahawa tindakan tersebut boleh membawa maut.

**Pengaruh
perubatan
moden juga turut
menyebabkan
dakan semakin
terpinggir. Adakah
suatu hari nanti
dakan akan hanya
menjadi objek
hiasan? Atau *dakan*
akan hanya menjadi
cenderamata yang
akan dibeli oleh
para pelancong?**

Sebagai ganjaran, bomoh biasanya perlu diberi upah seperti sebilah pisau, duit syiling, seekor ayam, jarum dan tali putih. Upah tersebut penting bagi menguatkan semangat bomoh yang perlu menghadapi kuasa ghaib yang dihadapinya.

Seorang pengamal perubatan tradisional Melanau di Kampung Sesok, Anthony Jerami berkata, kebanyakan penyakit yang diubati menggunakan *dakan* merupakan penyakit yang tidak nampak secara mata

kasar. Katanya, setiap penyakit memerlukan *dakan* yang berbeza bentuk dan fiturnya.

"Terdapat lebih daripada 100 *dakan* yang dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. *Dakan* yang telah digunakan perlu dihormati dan diletakkan di tempat yang sesuai. Jika tidak, semangat *dakan* boleh menyerang orang yang tidak menghormatinya. Jangan sesekali memukul *dakan* atau merosakkannya," katanya.

Meskipun populariti *dakan* semakin terhakis, hakikatnya masih ada yang menggunakan khidmat perubatan tradisional ini, setelah gagal dengan perubatan moden. Yang menarik, bukan hanya kaum Melanau yang mendapatkan khidmat dukun berkenaan, tetapi juga pesakit daripada masyarakat Iban dan Cina.

Kini, perubatan tradisional dengan menggunakan *dakan* semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melanau sesuai dengan perubahan yang dialami masyarakat itu. Malahan, semakin banyak kaum Melanau yang memeluk agama Kristian atau Islam. Pengaruh perubatan moden juga turut menyebabkan *dakan* semakin terpinggir. Adakah suatu hari nanti *dakan* akan hanya menjadi objek hiasan? Atau *dakan* akan hanya menjadi cenderamata yang akan dibeli oleh para pelancong? Besar kemungkinan, *dakan* akan menjadi artifak yang dihimpunkan di dalam muzium dalam tempoh kurang daripada sepuluh tahun lagi. **DB**